

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HASAN BIN ARIFIN**

**TARIKH : 25 MEI 2016 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB Dato' Hasan bin Arifin [ Rompin ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan terperinci statistik peserta yang berjaya mendapat pekerjaan setelah menyertai Program Skim 1Malaysia (SL1M) sejak Jun 2011 sehingga kini serta apakah jaminan para peserta SL1M akan diserapkan ke dalam syarikat-syarikat yang menyertai program ini.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) yang dilancarkan pada 1 Jun 2011 bermatlamat membantu graduan yang sukar mendapat pekerjaan selepas mereka bergraduasi. Graduan yang sukar mendapat pekerjaan adalah sebahagian besarnya datang dari keluarga miskin dan tinggal di kawasan pedalaman. Program yang dilaksanakan oleh Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs) dan syarikat-syarikat swasta secara Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) ini bertujuan membantu graduan meningkatkan kemahiran mengikut keperluan industri dan mengurangkan kadar pengangguran melalui proses 'employability' dan 'marketability' yang membolehkan graduan mendapat pekerjaan.

Setakat 31 Mac 2016, sejumlah 73,609 graduan telah berjaya dibantu secara langsung dan tidak langsung dalam memperkasakan kebolehpasaran diri melalui latihan SL1M di syarikat dan program-program yang dianjurkan oleh SL1M di seluruh negara. Daripada jumlah itu, seramai 17,722 graduan berjaya mendapat pekerjaan dengan mendapat latihan berstruktur daripada syarikat-syarikat yang mengambil bahagian dalam program SL1M. Manakala 12,252 graduan masih menjalani program di syarikat yang terlibat di bawah program SL1M. Bakinya, 43,635 graduan yang berdaftar dengan SL1M berjaya mencari sendiri pekerjaan melalui karnival kerjaya yang dianjurkan oleh SL1M atau program 'search and assist' SL1M.

Program SL1M merangkumi latihan *Soft Skill Training* maksimum 2 bulan dan disusuli dengan latihan di tempat kerja (On-Job Training) maksimum 10 bulan yang dijalankan sepenuhnya sendiri oleh pihak syarikat. Latihan yang diberi bertujuan meningkatkan tahap kecekapan dan kompetensi graduan di samping kemahiran-kemahiran teknikal mengikut acuan dan keperluan syarikat. Lebih 90% daripada peserta SL1M telah berjaya mendapat pekerjaan tetap sama ada semasa atau selepas menjalani latihan SL1M. Program SL1M tidak menjamin sebarang pekerjaan kepada graduan dan syarikat tidak diwajibkan menyerap peserta SL1M

sebagai pekerja tetap. Bagi peserta yang benar-benar menunjukkan prestasi dan pencapaian yang baik sepanjang latihan akan diserap sebagai pekerja di syarikat-syarikat yang mengambil bahagian di dalam program SL1M. Graduan harus mempraktikkan ilmu pengetahuan dan pengalaman yang ditimba sepanjang program latihan untuk mendapatkan pekerjaan di syarikat lain.

Sebagai contoh, program SL1M yang dilaksanakan oleh Telekom Malaysia bagi tahun 2014 telah menyerap seramai 30% daripada peserta sebagai pekerja tetap, manakala selebihnya mendapat pekerjaan di syarikat-syarikat lain setelah menerima manfaat latihan SL1M.

Melihatkan pencapaian SL1M saban tahun dalam membantu graduan melebihi jumlah sasaran, YAB Perdana Menteri telah meletakkan program SL1M sebagai salah satu instrumen penting bagi membantu para graduan yang sukar mendapat pekerjaan seterusnya mengumumkan seperti di dalam ucapan Belanjawan 2016 pada 23 Oktober 2015 untuk membantu seramai 15,000 graduan bagi tahun 2016 berbanding 10,000 graduan pada tahun 2015. Ini menunjukkan keprihatinan Kerajaan membantu lebih ramai graduan yang sukar mendapat pekerjaan melalui Program SL1M.

Sekian, terima kasih.